

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pendidikan tentang semangat patriotisme merupakan _____ utama untuk membina perpaduan antara kaum.
A punca C cara
B tonggak D kaedah
- 2 Amalan saling bekerjasama dan menghormati sangat penting _____ membina masyarakat Malaysia yang aman dan harmoni.
A untuk C kerana
B supaya D sebagai

Soalan 3 – 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 3 Siti agak berat terima bantuan yang dihulurkan oleh pemuda itu.
A agak berat-berat menerima bantuan
B agak keberatan menerima bantuan
C agak keberatan terima bantuan
D agak berat terima bantuan
- 4 Penduduk Kampung Murni terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik.
A terdiri dari pelbagai kaum dan etnik
B terdiri daripada berbagai kaum dan etnik
C terdiri daripadabagai kaum dan etnik
D terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik

Ulasan

Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 3 Jawapan ialah A. Penggandaan separa kata kerja *terliuk-liuk* yang membawa pengertian terlenggok-lenggok (padi atau lalang ditiup angin) lebih menepati konteks ayat.

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Perpaduan kaum akan mudah tercapai melalui muafakat.
II Jika jiran ditimpa kesusahan, kita hendaklah menjadi orang pertama untuk membantu mereka.
III Di antara aktiviti yang sesuai diadakan untuk memupuk perpaduan kaum ialah gotong-royong.
IV Anak-anak perlu diasuh untuk menjalinkan hubungan yang baik sesama dengan jiran.
A I dan II sahaja C I, II dan III sahaja
B III dan IV sahaja D II, III dan IV sahaja

Soalan 6 – 7

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

Hubungan akrab antara kaum di Malaysia menyebabkan masyarakat negara ini mampu hidup bekerjasama dan tolong-menolong dalam kehidupan harian.

- 6 Keadaan hubungan ini tepat dengan peribahasa
A bagai aur dengan tebing.
B bagai anjing dengan kucing.
C seperti dakwat dengan kertas.
D seperti cincin dengan permata.

7



Peribahasa yang berikut boleh dikaitkan dengan sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat di atas, **kecuali**

- A bagai pahat dengan penukul.
B bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
D hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah.